

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pemegang saham minoriti telah berjaya menggagalkan cadangan penswastaaan BERNAS, atas asas bahawa tawaran sebanyak RM3.70 sesaham tidak menggambarkan nilai yang sewajarnya bagi syarikat tersebut.

Ini merupakan satu perkembangan yang penting memandangkan beberapa kes penswastaaan sejak kebelakangan ini pada pendapat kami, telah tidak menawarkan nilai yang sewajarnya kepada pemegang saham minoriti, mahupun mencerminkan prospek masa hadapan syarikat secara munasabah.

Apabila sesebuah syarikat diswastakan, pemegang saham minoriti dikeluarkan daripada pertumbuhan masa hadapan syarikat tersebut. Oleh itu, sebarang tawaran untuk menswastakan syarikat perlu memberikan ganti rugi yang setimpal kepada pemegang saham minoriti akibat kehilangan peluang untuk sama-sama berkongsi potensi masa hadapan syarikat.

Di dalam kes BERNAS di mana penswastaannya adalah melalui kaedah penyahsenaraian secara sukarela, syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah:

- resolusi berkaitan perlu diluluskan oleh majoriti dari segi bilangan mewakili 75% nilai saham pemegang saham yang hadir dan mengundi sama ada secara individu atau melalui proksi di dalam mesyuarat agung luar biasa tersebut; dan
- dengan syarat tidak lebih daripada 10% daripada nilai pemegang saham menolak resolusi tersebut.

Dari segi nilai saham, 99.95% telah menerima resolusi bagi cadangan penyahsenaraian tersebut. Bagaimanapun, dari segi bilangan pula, 155 pemegang saham yang mewakili 70.45% jumlah bilangan pemegang saham telah menolak tawaran. Ini bermakna mereka telah mengabaikan nasihat Penasihat Bebas, Kenanga Investment Bank Berhad yang telah menyatakan bahawa cadangan penyahsenaraian beserta tawaran keluar BERNAS adalah 'adil dan munasabah'.

Harga tawaran tersebut seolah-olah tidak cukup menarik dan munasabah untuk pemegang saham minoriti menerimanya.

Sebagai makluman, MSWG telah menganjurkan satu Forum Penswastaaan sebelum ini di mana para penganalisa kami telah membentangkan maklumat mengenai kaedah-kaedah penswastaaan yang berlainan dan isu-isu berkaitan beberapa cadangan penswastaaan yang sedang dilaksanakan seperti Triumphal Associates Berhad, Perak Corporation Berhad, Kian Joo Can Factory Berhad dan BERNAS. Forum tersebut telah dianjurkan berikutan aduan daripada pemegang saham minoriti dan juga laporan media. Forum tersebut menyaksikan penglibatan aktif di antara MSWG dan para peserta, dan kami menghargai semua maklumbalas dan perkongsian ilmu yang telah diperolehi menerusi forum tersebut.

MSWG sentiasa mengalu-alukan sebarang maklumbalas ataupun cadangan yang boleh menyumbang secara positif kepada pasaran modal, terutamanya isu-isu berkaitan pemegang saham minoriti.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan 'Selamat Tahun Baru Cina' kepada semua warga Malaysia berbangsa Cina.

Kong Hee Fatt Choy!

Salam,

Rita

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.